Di Malaysia terdapat beberapa pihak yang telah mengambil inisiatif untuk membantu dan memberi kerjasama dalam pembangunan bola sepak. Antara kementerian yang terlibat adalah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) adalah merangka dan melaksanakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dengan kerjasama oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Untuk merealisasikan pembangunan bola sepak di peringkat akar umbi, mana-mana pihak berwajib perlu menyediakan peluang penglibatan dalam bidang sukan seluas-luasnya kepada golongan muda atau akar umbi yang bakal menjadi pemacu kepimpinan negara pada masa hadapan. Dapat dilihat di sini bahawa, kejayaan bola sepak negara seperti yang diinginkan haruslah peranannya dimainkan di peringkat akar umbi oleh setiap pihak berkepentingan. Ini kerana sistem pembangunan bakat-bakat peringkat akar umbi adalah bermula dari sekolah yang merupakan landasan terbaik untuk menghasilkan generasi pemain bola sepak yang berkualiti kelak selari dengan peranan dan matlamat mereka di peringkat kementerian (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Oleh itu, guru memainkan peranan penting dalam ekosistem pembangunan bola sepak negara di peringkat akar umbi dalam melatih pasukan bola sepak. Meskipun begitu, terdapat banyak kaedah latihan yang diamalkan namun ianya bersifat subjektif oleh kerana ia adalah dari pendapat, amalan turun temurun dan pengalaman lepas yang dialami oleh jurulatih (Verheijen, 2014). Jadi, adakah terdapat panduan yang holistik atau rujukan rasmi yang boleh digunakan oleh guru atau





jurulatih sekolah untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka dari aspek prinsip permainan untuk menghadapi kejohanan yang dianjurkan sendiri oleh KPM? (Zulakbal, Najib & Ali, 2018).

1.2 Latar Belakang Kajian

Di Kuala Lumpur, terdapat empat buah zon pendidikan yang terlibat dalam pertandingan bola sepak iaitu zon Bangsar, zon Pudu, zon Keramat dan zon Sentul. Setiap zon pendidikan pula mempunyai antara 15 hingga 16 buah sekolah yang akan menyertai kejohanan ini. Kejohanan ini merupakan kejohanan yang ditunggu-tunggu oleh setiap murid dan guru. Setiap murid akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menempatkan diri mereka dalam pasukan bola sepak sekolah. Begitu juga dengan guru-guru sekolah di mana kejohanan ini merupakan kejohanan yang boleh membuktikan kredibiliti mereka sebagai jurulatih. Maka, persiapan dan perancangan yang rapi akan dilakukan oleh guru-guru ini.

Dalam permainan bola sepak, prinsip menyerang dan bertahan adalah satu keperluan bagi sesebuah pasukan semasa bermain. Bert Van Lingen, (2016) menyatakan bahawa objektif untuk kategori bawah 18 tahun adalah 'bermain sebagai satu pasukan' di mana prinsip menyerang dan bertahan adalah amat ditekankan bagi peringkat umur ini. Begitu juga dengan prinsip transisi menyerang kepada bertahan dan transisi bertahan kepada menyerang dimana keempat-empat prinsip ini terdapat dalam *four main moments* dalam permainan bola sepak.





KPM dalam dasar 1 Murid 1 Sukan ada menyediakan Modul Latihan Sukan untuk Guru Penasihat Kelab Sukan Sekolah. Namun begitu, adakah modul tersebut sesuai digunakan sebagai persiapan rapi oleh guru sekolah untuk menyertai kejohanan bola sepak yang dianjurkan oleh KPM? Kementerian Pendidikan Malaysia, (2011) menyatakan bahawa keutamaan dasar ini adalah untuk memberi perhatian yang utama kepada murid yang kurang aktif supaya mereka dapat melibatkan diri dalam aktiviti sukan. Bermakna, modul tersebut lebih mengutamakan penglibatan murid yang aktif dalam sukan berbanding persediaan menghadapi kejohanan seperti yang guru perlukan.

Sebagai persiapan untuk menghadapi kejohanan tahunan ini, terdapat sebilangan guru yang mengambil inisiatif mereka sendiri. Antara inisiatif yang diambil adalah dengan menyertai kursus-kursus kejurulatihan, menonton dan menganalisis perlawanan bola sepak (Stoszkowski & Collins, 2016), menonton sesi latihan dan mendapatkan sumber atau bahan rujukan lain di internet (Koh, Lee & Lim, 2018). Namun begitu, apakah sebenarnya sumber pengetahuan (*sources of knowledge*) rasmi guru-guru sekolah untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka? (Zulakbal & Ali, 2017).

Prestasi pasukan dan pemain (secara individu) di dalam sukan kebiasaannya ditentukan oleh aspek teknikal, taktikal, fisiologikal dan psikologikal yang mana setiap aspek ini hanya dapat dilihat keberkesanannya apabila persiapan yang rapi dilakukan dan pemain melalui sistem latihan yang efisien (Bangsbo, 2015). Bola sepak merupakan sukan yang amat kompleks di mana ia merangkumi pergerakan di luar jangkaan sepanjang perlawanan dilangsungkan (Di Mascio, Ade & Bradley,





2015). Maka guru atau jurulatih akan berhadapan dengan situasi yang sukar semasa persiapan musim pertandingan bola sepak sekiranya tidak ada sumber rujukan rasmi yang disediakan oleh pihak berwajib kepada mereka.

Adalah satu kelebihan jika guru atau jurulatih tersebut memiliki pengalaman bermain bola sepak di peringkat tertinggi di mana pengalaman tersebut boleh diaplikasikan semasa mengendalikan pasukan bola sepak sekolah mereka (Gonzalez-Rivera, Campos-Izquierdo, Villabla & Hall, 2017; He, Trudel & Calver, 2018). Namun, bagaimana pula dengan guru atau jurulatih yang memiliki pengalaman dan pengetahuan yang terhad sebagai persiapan untuk mengendalikan sesi latihan pasukan mereka? Secara asasnya, tugas jurulatih adalah untuk meningkatkan keupayaan teknikal, taktikal, kecergasan fizikal dan psikologi atlet supaya pemain dapat beraksi dengan baik dalam situasi yang kompetitif. Maka, kaedah pengajaran dan pemilihan aktiviti latihan memainkan peranan yang dapat mempengaruhi pemain untuk mendengar, menyerap idea dan mematuhi arahan jurulatih (Romar, Saren & Hastie, 2016).

Guru atau jurulatih yang terlibat dalam kejurulatihan bola sepak memperoleh pengalaman mereka melalui pelbagai sumber pengetahuan (*sources of knowledge*) samada dari pendidikan secara rasmi, tidak rasmi dan pembelajaran secara tidak formal (Rocchi & Couture, 2018). Terdapat pelbagai sumber yang boleh diperoleh oleh guru atau jurulatih bola sepak yang terlibat di peringkat sekolah ini. Correia dan Bertram, (2018) menyatakan bahawa internet merupakan salah satu sumber pengetahuan (*sources of knowledge*) buat guru atau jurulatih. Laman web seperti *YouTube*, *Facebook*, *Twitter*, *Keepitonthedeck* dan *Training Ground Guru* boleh





dilayari untuk mendapatkan info mengenai latihan dan trend bola sepak terkini. Selain daripada internet, bahan bacaan lain seperti buku, majalah, kursus-kursus kejurulatihan dan interaksi dengan rakan sekerja juga merupakan sumber pengetahuan (*sources of knowledge*) buat guru-guru atau jurulatih ini (Mesquita & Ribeiro, 2014; Zulakbal, Najib, et al., 2018; Zulakbal & Ali, 2017).

Di Malaysia, bola sepak merupakan sukan yang penting dalam agenda pembangunan sukan di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Satu usahasama telah dijalinkan bersama-sama dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan satu langkah yang holistik dan komprehensif telah diambil untuk memartabatkan kembali sukan bola sepak negara. Langkah yang diambil adalah dengan melaksanakan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN) dimana program ini berada di bawah penyeliaan dan tanggungjawab KPM termasuk pelajar dan guru yang bertugas sebagai jurulatih (Kementerian Belia dan Sukan, 2014).

Selain daripada melibatkan diri sebagai jurulatih bola sepak peringkat sekolah, terdapat juga sebilangan guru yang menjadi jurulatih separuh masa di bawah program Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN). Pelan program ini memberi penekanan kepada individu yang paling penting dalam sukan bola sepak iaitu jurulatih. Di bawah pelan ini, pendidikan sepanjang masa di peringkat kejurulatihan akan dititikberatkan di mana setiap jurulatih perlu diberi pendedahan kepada aspek latihan terkini dan kaedah pengajaran masa kini yang sentiasa berubah dari masa ke semasa bergantung kepada corak permainan bola sepak moden kini (Kementerian Belia dan Sukan, 2014).





Jika diamati kepada program-program yang disediakan kepada para jurulatih program Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), adalah tidak mustahil jurulatih yang terlibat tidak memiliki modul latihan tertentu. Program pembangunan ini ada menyediakan modul latihan untuk panduan jurulatih yang terlibat di bawahnya namun terhad kepada jurulatih dalam kalangan mereka sahaja. Adakah modul tersebut dapat diakses oleh jurulatih-jurulatih yang bukan dari kalangan program mereka? Ini bermakna, masih terdapat guru yang sekiranya tidak menyertai program ini sebagai jurulatih, mereka tidak mempunyai modul latihan rasmi untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka (Zulakbal, Najib, et al., 2018).

Tidak dinafikan bahawa terdapat guru atau jurulatih bola sepak sekolah yang mempunyai latar belakang pendidikan Sains Sukan atau Pendidikan Jasmani.

Pengetahuan sedia ada mereka untuk melatih aspek fizikal menggunakan komponen kecergasan fizikal amatlah mantap namun berkemungkinan latihan yang mereka lakukan adalah secara berasingan (*isolated training*), umum dan tidak spesifik kepada sukan bola sepak dan tidak spesifik mengikut kategori umur tertentu. Mereka perlu menyesuaikan pengetahuan sedia ada mereka untuk diadaptasi selari dengan ciri-ciri permainan bola sepak semasa merancang sesi latihan pasukan mereka (Serra-Olivares, Clemente & Gonzalez-Villora, 2016; Verheijen, 2014).

Dalam era bola sepak moden kini, latihan berasingan (*isolated training*) adalah tidak relevan lagi (Zulakbal, Hanis & Ali, 2018). Pemain lebih bermotivasi semasa menjalani sesi latihan apabila guru atau jurulatih melakukan aktiviti permainan kecil (*small sided game*) dan tidak perlu lagi untuk melakukan latihan bercorak larian untuk meningkatkan tahap kecergasan daya tahan kardiovaskular





mereka (Borges, Cumming, Ronque, Cardoso, Avelar, Rechenchosky, Costa, Da & Rinaldi, 2018); Giménez, Liu, Lipińska, Szwarc, Rompa & Gómez, 2018b; Özcan, Eniseler & Şahan, 2018; Sanchez-Sanchez, Ramirez-Campillo, Carretero, Martín, Hernández, & Nakamura, 2018).

1.3 Penyataan Masalah

Menurut Zulakbal & Ali (2017), terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh jurulatih-jurulatih di Malaysia antaranya ialah perkembangan hala tuju kejurulatihan yang tidak jelas dan tiada kurikulum pendidikan untuk jurulatih untuk dijadikan panduan rasmi. Kajian ini lebih tertumpu kepada pembinaan modul latihan bola sepak untuk jurulatih. Bert Van Lingen, (2016) menyatakan bahawa setiap kategori umur memerlukan pendekatan dan kaedah latihan yang berbeza oleh jurulatih antara satu dengan yang lain. Adalah menjadi keutamaan buat guru atau jurulatih untuk menjelaskan objektif yang harus dicapai oleh pasukan, menerangkan mengenai pelan pembangunan jangka masa pendek dan panjang serta memilih aktiviti latihan bola sepak yang bersesuaian mengikut kategori umur yang berbeza ini (Berger, 2017; Bert Van Lingen, 2016; Kolfshootten & Verheijen, 2015; Verheijen, 2014).

Oleh itu, penyelidik telah melakukan analisis keperluan untuk mengetahui adakah terdapat bahan rujukan yang disediakan oleh pihak berwajib seperti Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atau persatuan bola sepak negeri untuk membantu guru bola sepak sekolah menghadapi kejohanan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



Penyelidik telah melakukan analisis keperluan tersebut di keempat-empat buah zon pendidikan yang terdapat di Kuala Lumpur iaitu zon Bangsar, zon Pudu, zon Sentul dan zon Keramat. Jadual 1.1 menunjukkan hasil analisis statistik tersebut.

Jadual 1.1

Peratus bahan rujukan rasmi yang disediakan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), persatuan bola sepak negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyertai kejohanan

Bil	Zon	Tiada bahan (%)	Ada bahan (%)	Jenis bahan
1	Bangsar	94.4 %	5.6%	Kursus NFDK
2	Pudu	100 %	0%	-
3	Sentul	94.4 %	5.6%	Kursus NFDK
4	Keramat	94.4 %	5.6%	Kursus NFDK

Hasil dapatan dari analisis keperluan yang dilakukan oleh penyelidik mendapati bahawa zon Pudu menyatakan 100% tiada bahan rujukan rasmi yang disediakan oleh pihak berwajib manakala zon Bangsar, zon Sentul dan zon Keramat pula melaporkan hanya 5.6 % terdapat bahan rujukan yang disediakan oleh pihak berwajib untuk membantu mereka. Bahan rujukan tersebut ialah bahan-bahan dari kursus-kursus kejurulatihan yang mereka sertai oleh kerana mereka ialah guru bola sepak yang menyertai program Pembangunan Bola Sepak Negara tersebut secara rasmi. Maka tidak hairanlah mereka memiliki bahan pengajaran tersebut namun peratus tersebut adalah sedikit berbanding rakan-rakan mereka dari sekolah lain sebanyak 94.4 % yang tidak memiliki bahan rujukan rasmi.

Penyelidik juga melakukan analisis keperluan untuk mengenal pasti adakah terdapat keperluan untuk membina modul latihan bola sepak yang spesifik mengikut kategori umur bagi membantu guru-guru bola sepak sekolah sebagai persediaan

menghadapi kejohanan bola sepak yang mereka sertai. Jadual 1.2 menunjukkan keputusan analisis keperluan tersebut.

Jadual 1.2

Kepeluan Membina Modul Latihan Bola Sepak Mengikut Kategori Umur

Bil	Zon	Bawah 15 tahun (%)	Bawah 18 tahun (%)	Tidak perlu modul (%)
1	Bangsar	16.7%	83.3%	-
2	Pudu	33.3%	66.7%	-
3	Sentul	-	72.2%	27.8%
4	Keramat	-	88.9%	11.1%

Zon Bangsar mencatat 16.7% guru yang memerlukan modul latihan bola sepak untuk kategori umur bawah 15 manakala 83.3% guru memerlukan modul untuk bawah 18 tahun. Sebanyak 33.3% guru dari zon Pudu memerlukan modul latihan bola sepak untuk kategori umur bawah 15 tahun manakala selebihnya 66.7% guru zon Pudu memerlukan modul untuk bawah 18 tahun. Sebanyak 72,2% guru memerlukan modul untuk kategori umur bawah 18 tahun di zon Sentul manakala selebihnya tidak memerlukan modul. Zon Keramat pula mencatat keperluan paling tinggi untuk membina modul bola sepak untuk kategori umur bawah 18 tahun iaitu sebanyak 88.9% dan selebihnya tidak memerlukan modul latihan bola sepak.

Dapat dilihat di sini bahawa dalam keempat-empat zon di atas, kesemua zon memerlukan satu modul latihan mengikut kategori umur iaitu bawah 15 dan bawah 18 tahun. Namun begitu, penyelidik memilih untuk membina modul latihan bola sepak di zon Keramat kerana zon tersebut mencatat peratusan keperluan membina modul untuk kategori umur bawah 18 tahun yang paling tinggi antara keempat-empat zon yang

terlibat. Oleh itu, adalah perlu untuk membina modul latihan bola sepak untuk kategori umur bawah 18 tahun dari zon Keramat dalam kajian ini.

Menurut Zulakbal, Najib, & Ali, (2018) guru atau jurulatih perlu memiliki sumber ilmu pengetahuan kejurulatihan yang tersendiri di mana ia dapat membantu meningkatkan kemahiran kejurulatihan mereka. Melatih pasukan bola sepak tanpa modul latihan atau bahan pengajaran spesifik sebagai panduan, ia akan membuang masa guru dan jurulatih, objektif kategori umur pemain tidak tercapai, pemain tidak mencapai prestasi yang sepatutnya dan tidak dapat menyumbang kepada pembangunan bola sepak sesuatu pasukan (Bert Van Lingen, 2016).

Bagi membantu guru bola sepak sekolah untuk persediaan menghadapi kejohanan yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), penyelidik telah mengenal pasti apakah isi kandungan yang perlu dilatih di dalam modul latihan bola sepak tersebut. Jadual 1.3 menunjukkan isi kandungan yang perlu dilatih dalam modul tersebut.

Jadual 1.3

Isi Kandungan Modul Yang Diinginkan Oleh Guru Bola Sepak Sekolah

Bil	Zon	Prinsip Menyerang (%)	Prinsip Bertahan (%)	<i>Small Sided Game (%)</i>	<i>Teaching Games for Understanding (%)</i>
1	Bangsar	100%	100%	83.3%	88.9%
2	Pudu	100%	100%	88.9%	94.4%
3	Sentul	94.4%	100%	61.1%	94.4%
4	Keramat	100%	100%	100%	100%

Sekiranya tidak ada modul latihan yang merangkumi aspek prinsip permainan yang disesuaikan dengan kategori umur tertentu, maka sukarlah buat guru untuk melatih pasukan bola sepak mereka. Jika ini berlaku, kemungkinan jumlah sesi latihan yang dikendalikan oleh guru dalam seminggu adalah melebihi jumlah yang sepatutnya dilalui oleh pemain dan ia boleh membawa kepada kelesuan terkumpul (*accumulation of fatigue*). Menurut Kolfshootten & Verheijen, (2015) kelesuan merupakan musuh utama pemain bola sepak kerana ia mampu membawa kepada kecederaan.

Hasil daripada analisis keperluan yang dilakukan, penyelidik telah mengenal pasti beberapa kaedah saintifik (kepakaran) dan komprehensif yang bersifat *football game based model* yang boleh memberi sumbangan kepada pembangunan dalam sukan bola sepak peringkat akar umbi. Satu modul latihan bola sepak spesifik diberi nama *Small Sided Game* yang dibina oleh penyelidik memberi penekanan kepada beberapa prinsip permainan iaitu pertama; bermain sebagai satu pasukan (menyerang dan bertahan) dan kedua; kefahaman taktikal spesifik kepada kategori umur tertentu perlu dihasilkan sebagai rujukan rasmi buat guru sekolah untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka untuk menghadapi kejohanan.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk membina modul latihan bola sepak yang spesifik yang diberi nama *Small Sided Game* untuk kategori umur bawah 16 tahun yang melibatkan prinsip menyerang dan bertahan untuk bermain sebagai satu pasukan yang boleh dijadikan sebagai sumber rujukan rasmi buat guru untuk melatih pasukan



bola sepak sekolah mereka. Untuk membina modul tersebut, terdapat empat kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik iaitu (i) Kajian 1 (*Mini Review Small Sided Game*), (ii) Kajian 2 (*E-Survey* Keperluan Elemen Latihan yang diperlukan oleh guru bola sepak sekolah), (iii) Kajian 3 (Kajian rintis pembinaan modul ssg terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun) dan (iv) Kajian 4: (Intervensi modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun).

Berikut merupakan objektif kajian pada setiap kajian yang dilakukan secara terperinci:

Objektif Kajian 1 (*Mini review Small Sided Game*):



1. Untuk mengenal pasti kelebihan latihan berbentuk *small sided game* berdasarkan dapatan dari *review* kajian saintifik.
2. Untuk mengenal pasti kelebihan prinsip menyerang dalam latihan berbentuk *small sided game* berdasarkan dapatan dari *review* kajian saintifik..
3. Untuk mengenal pasti kelebihan prinsip bertahan dalam latihan berbentuk *small sided game* berdasarkan dapatan dari *review* kajian saintifik..

Objektif Kajian 2 (*E-Survey* Keperluan Elemen Latihan yang diperlukan oleh guru bola sepak sekolah):

1. Untuk mengetahui apakah bahan rujukan rasmi yang disediakan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), persatuan bola sepak negeri dan



Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyertai kejohanan bola sepak yang dianjurkan oleh pejabat pelajaran daerah

2. Untuk mengenal pasti zon (Pendidikan pelajaran Daerah) manakah yang memerlukan modul latihan bola sepak.
3. Untuk mengenal pasti apakah elemen latihan yang diperlukan oleh guru bola sepak sekolah.

Objektif Kajian 3 (Kajian rintis pembinaan modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun):

1. Pembinaan modul latihan bola sepak *small sided game*
2. Pembinaan latihan *small sided game*
3. Mendapatkan kesahan modul latihan bola sepak *small sided game*
4. Mendapatkan nilai kebolehpercayaan modul latihan bola sepak *small sided game*

Objektif kajian 4 (Intervensi modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun):

1. Adakah terdapat perbezaan dalam keseluruhan prinsip menyerang di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
2. Adakah terdapat perbezaan dalam keseluruhan prinsip bertahan di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

3. Adakah terdapat perbezaan dalam prinsip menyerang iaitu *width*, *support*, *mobility*, *penetration* dan *creativity* di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.
4. Adakah terdapat perbezaan dalam prinsip bertahan iaitu *compactness*, *delay*, *depth*, *balance* dan *patience* di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan.

1.5 Persoalan Kajian

Berikut merupakan persoalan kajian pada setiap kajian yang dilakukan secara terperinci:

Kajian 1 (*Mini review Small Sided Game*):

1. Apakah kelebihan latihan berbentuk *small sided game* berdasarkan dapatan dari review kajian saintifik?
2. Apakah kelebihan prinsip menyerang dalam latihan berbentuk *small sided game* dari review kajian saintifik?
3. Apakah kelebihan prinsip bertahan dalam latihan berbentuk *small sided game* dari review kajian saintifik?.

Kajian 2 (*E-Survey* Keperluan Elemen Latihan yang diperlukan oleh guru bola sepak sekolah):

1. Untuk mengetahui apakah bahan rujukan rasmi yang disediakan oleh Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), persatuan bola sepak negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyertai kejohanan bola sepak yang dianjurkan oleh pejabat pelajaran daerah
2. Untuk mengenal pasti zon (Pendidikan pelajaran Daerah) manakah yang memerlukan modul latihan bola sepak.
3. Untuk mengenal pasti apakah elemen latihan yang diperlukan oleh guru bola sepak sekolah.

Kajian 3 (Kajian rintis pembinaan modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun):

1. Pembinaan modul latihan bola sepak *small sided game*
2. Pembinaan latihan *small sided game*
3. Mendapatkan kesahan modul latihan bola sepak *small sided game*
4. Mendapatkan nilai kebolehpercayaan modul latihan bola sepak *small sided game*



Kajian 4 (Intervensi modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun):

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam keseluruhan prinsip menyerang di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam keseluruhan prinsip bertahan di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam prinsip menyerang iaitu *width, support, mobility, penetration* dan *creativity* di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?
4. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan dalam prinsip bertahan iaitu *compactness, delay, depth, balance* dan *patience* di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan?



1.6 Kepentingan Kajian

Hasil dapatan dari kajian ini menunjukkan tentang keberkesanan modul latihan bola sepak terhadap pemain bola sepak kategori bawah 16 tahun. Sehubungan dengan itu, kajian ini dapat memberi sumbangan kepada beberapa pihak. Antara kepentingan kajian ini ialah:

1. Memberi sumbangan kepada badan ilmu (*body of the knowledge*) untuk bola sepak, kejurulatihan, Sains Sukan dan Pendidikan Jasmani dengan penghasilan modul latihan bola sepak spesifik kepada kategori umur bawah 16 tahun.



2. Memberi sumber rujukan buat guru dan jurulatih yang terlibat semasa melatih pasukan bola sepak sekolah mereka. Modul ini menerangkan cara untuk melatih pasukan bola sepak dari sudut prinsip permainan (menyerang dan bertahan) dan kefahaman taktikal yang melibatkan kecergasan fizikal.
3. Modul latihan '*Small Sided Game*' yang mempunyai pendekatan yang baru ini boleh digunakan oleh guru atau jurulatih bola sepak bawah 16 tahun di daerah zon Keramat.

1.7 Limitasi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, beberapa limitasi kajian telah ditetapkan oleh penyelidik. Berikut merupakan limitasi dalam kajian ini:

Limitasi dalam Kajian 1 (*Mini review Small Sided Game*):

1. Penyelidik hanya memilih artikel *small sided game* yang berkaitan dengan sukan bola sepak sahaja. Artikel-artikel tersebut juga mestilah merangkumi prinsip menyerang, prinsip bertahan, prinsip transisi menyerang kepada bertahan dan prinsip transisi bertahan kepada menyerang sahaja.
2. Pemilihan artikel *small sided game* juga adalah kepada pemain berumur bawah 18 tahun sahaja. Pemain-pemain elit, profesional dan jantina perempuan tidak termasuk dalam ulasan yang dilakukan oleh penyelidik.

Limitasi dalam Kajian 2 (*E-Survey* Keperluan Elemen Latihan yang diperlukan oleh guru bola sepak sekolah):

1. Hasil dapatan yang dilakukan melalui medium *google form* ini hanya diberikan dan hanya boleh dijawab oleh guru bola sepak sekolah di Kuala Lumpur sahaja.
2. Jurulatih (luar) yang dilantik atau tidak dilantik oleh pihak sekolah tidak dibenarkan untuk menjawab *google form (e-survey)* yang dilakukan oleh penyelidik.

Limitasi dalam Kajian 3: (Kajian rintis pembinaan modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun) dan kajian 4 (Intervensi modul *small sided game* terhadap prinsip menyerang dan bertahan untuk murid bawah 16 tahun):

1. Sampel kajian ini hanya melibatkan murid lelaki sekolah menengah berumur 16 tahun (tingkatan empat) sahaja bagi mewakili kategori umur bawah 18 tahun. Antara syarat yang telah ditetapkan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan adalah tidak membenarkan kajian dilakukan ke atas murid yang berada pada tahun peperiksaan (UPSR, PT3 dan SPM). Penyelidik juga menghasilkan modul latihan berdasarkan kepada objektif yang dicadangkan oleh Bert Van Lingen, (2016) yang menyatakan bahawa objektif untuk kategori bawah 18 tahun adalah 'bermain sebagai satu pasukan'. Objektif ini adalah selari dengan hasrat penyelidik untuk membangunkan pengetahuan yang lebih baik tentang modul latihan 'bermain sebagai satu

pasukan' supaya modul yang lebih baik dalam latihan bola sepak dapat diperolehi. Maka murid-murid lelaki berumur 16 tahun sahaja terlibat dalam kajian ini.

2. Terdapat empat buah daerah pendidikan yang terdapat di sekitar Kuala Lumpur. Daerah pendidikan tersebut ialah zon Bangsar, zon Sentul, zon Keramat dan zon Pudu. Kaedah rawak mudah telah dilakukan bagi memilih salah satu zon pendidikan untuk kajian ini dijalankan. Daripada keempat-empat zon tersebut, zon Keramat telah dipilih secara rawak dalam kajian ini. Maka, murid-murid lelaki sekolah menengah tingkatan empat (16 tahun) yang berada di zon Keramat sahaja terlibat dalam kajian ini.
3. Hanya posisi *outfield player* sahaja terlibat dalam kajian ini manakala posisi penjaga gol hanya terlibat sebagai rakan sepasukan yang membantu semasa sesi latihan dan tidak dinilai prestasinya semasa pentadbiran kajian sebenar dijalankan.
4. Kajian ini hanya menilai keberkesanan aspek menyerang (*support, width, mobility, penetration* dan *creativity*) dan aspek bertahan (*compactness, depth, balance, patience* dan *delay*) sahaja selari dengan objektif kajian penyelidik iaitu membina modul latihan bola sepak. Keberkesanan aspek-aspek tersebut dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti faktor kecergasan fizikal, faktor persekitaran (kualiti padang latihan sekolah dan sebagainya), faktor periodisasi latihan, faktor fisiologi murid dan faktor kejurulatihan (guru yang melatih). Aspek-aspek lain seperti kiraan kadar nadi, *volume* latihan yang tidak setara, tempoh waktu rehat semasa latihan, jenis recovery, keberkesanan galakan guru/jurulatih juga mempengaruhi keberkesanan aspek menyerang dan bertahan. Namun begitu, faktor-faktor yang mempengaruhi keberkesanan

aspek menyerang dan aspek bertahan seperti yang dinyatakan oleh penyelidik tidak dinilai dalam kajian ini meskipun faktor-faktor tersebut mempengaruhi keputusan/hasil dapatan kajian ini.

1.8 Definisi Operasional

Penyelidik telah mengenal pasti beberapa definisi operasional sebagai pemandu arah kajian. Berikut merupakan beberapa definisi operasional dalam kajian ini:

1.8.1 Modul Bola Sepak '*Small Sided Game*'

'*Small Sided Game*' merujuk kepada '*Modul Najib for Football*' yang dihasilkan oleh penyelidik. Dalam kajian ini, modul latihan bola sepak ini adalah panduan praktikal yang boleh digunakan oleh guru atau jurulatih untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka. Modul ini merangkumi aspek kefahaman taktikal dan kemahiran bola sepak yang selari dengan objektif permainan untuk kategori umur pemain bola sepak berumur 16 tahun. *Small sided game* merupakan satu bentuk permainan atau latihan dalam bentuk yang lebih kecil dari format permainan sebenar dan penggunaannya dalam sesi latihan bola sepak juga sudah lama digunakan dan semakin mendapat perhatian guru, jurulatih, pengamal Sains Sukan mahupun penyelidik-penyelidik lepas (Clemente, Lourenco Martins & Mendes, 2014; Sarmento, Clemente, Harper, Costa, Da, Owen & Figueiredo, 2018). *Small sided game* mewakili format permainan sebenar di mana format ini tidak mengabaikan ciri-ciri permainan sebenar yang

dinamik dan kompleks. Dalam kajian ini, *small sided game* digunakan oleh penyelidik di dalam modulnya di mana kesemua aspek bermula dari pemanas badan, stail permainan dan *group play* dilatih menggunakan *small sided game*.

1.8.2 Prinsip Menyerang

Apabila salah satu pasukan memiliki penguasaan bola (Mota, Da, Thiengo, Gimenes & Bradley, 2016) dan bertujuan untuk menjaringkan gol walau apa pun keputusan semasa yang diperoleh oleh mereka dengan tujuan mencapai matlamat permainan bola sepak iaitu memenangi perlawanan tersebut, ianya dikenali sebagai menyerang. Prinsip menyerang dalam kajian ini adalah merujuk kepada skor serangan yang diperoleh melalui instrumen yang dibina sendiri oleh penyelidik dengan menilai prinsip menyerang (*width, support, mobility, penetration* dan *creativity*) berdasarkan daripada tinjauan literatur dan teori serta model berkaitan. Jadual berikut merupakan definisi setiap prinsip menyerang.

Jadual 1.4

Definisi Prinsip Menyerang

Prinsip	Prinsip	Definisi
Menyerang	<i>Width</i>	Pasukan mampu memanfaatkan ruang dan keluasan padang sepenuhnya.
	<i>Support</i>	Pemain yang sedang memiliki bola mempunyai pilihan untuk melakukan hantaran untuk meneruskan penguasaan bola.
	<i>Mobility</i>	Pasukan mampu melakukan serangan dengan lancar meskipun diberi halangan oleh pihak lawan.

(bersambung)

Jadual 1.4 (sambungan)

<i>Prinsip</i>	Prinsip	Definisi
	<i>Penetration</i>	Pasukan mampu untuk menembusi halangan pasukan lawan terutama di bahagian kotak penalti pasukan lawan.
	<i>Creativity</i>	Pasukan mampu untuk melakukan serangan dengan pelbagai cara.

Sumber: Adaptasi dari Strudwick, T. (2016).

1.8.3 Prinsip Bertahan

Apabila sebuah pasukan tidak memiliki penguasaan bola (bertahan), terdapat dua tugas yang mereka perlu lakukan iaitu menghalang *build up play* dan seterusnya menghalang pihak lawan daripada menjaringkan gol (Berger, 2017; Bert Van Lingen, 2016; Kolfshootten & Verheijen, 2015; Tamboer, 2016). Prinsip bertahan dalam kajian ini adalah merujuk kepada skor serangan yang diperoleh melalui instrumen yang dibina sendiri oleh penyelidik dengan menilai prinsip bertahan (*compactness*, *depth*, *balance*, *patience* dan *delay*) berdasarkan daripada tinjauan literatur dan teori serta model berkaitan. Jadual berikut merupakan definisi setiap prinsip menyerang.

Jadual 1.5

Definisi Prinsip Bertahan

<i>Prinsip</i>	Prinsip	Definisi
Bertahan	<i>Compactness</i>	Pasukan mampu untuk mengecilkan ruang permainan pasukan lawan seberapa padat yang boleh.
	<i>Depth</i>	Pasukan mampu untuk meneruskan tekanan kepada pemain yang sedang memiliki penguasaan bola.

(bersambung)

Jadual 1.5 (sambungan)

<i>Prinsip</i>	Prinsip	Definisi
	<i>Balance</i>	Pasukan mampu untuk menjadikan kedudukan barisan pertahanan yang seimbang agar pihak lawan sukar untuk melakukan <i>penetration</i> .
	<i>Patience</i>	Pasukan perlu memastikan tempoh yang terbaik untuk merampas bola dari pihak lawan.
	<i>Delay</i>	Pasukan perlu melengahkan serangan pihak lawan sementara rakan sepasukan yang lain kembali pada posisi untuk membantu merampas bola dari pihak lawan.

Sumber: Adaptasi dari Strudwick, T. (2016).

1.8.4 Pemain Berumur 16 Tahun

Pemain berumur 16 tahun dalam kajian ini adalah merujuk kepada murid tingkatan 4 secara umum. Pada asalnya kajian ini adalah untuk murid bawah 18 tahun (tingkatan empat dan lima). Namun, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak membenarkan murid-murid yang menduduki peperiksaan (SPM) untuk terlibat dalam mana-mana kajian yang dilakukan oleh murid. Oleh itu, hanya murid berumur 16 tahun sahaja untuk kategori menengah atas dibenarkan untuk terlibat dalam kajian ini.

1.9 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini memberi fokus kepada pembinaan modul latihan bola sepak yang diberi nama '*Small Sided Game*' spesifik untuk kategori umur bawah 16 tahun. Penghasilan modul ini adalah berasaskan kepada *Football Theory* (Tamboer, 2016) yang merangkumi aspek asas bola sepak dalam meningkatkan



penguasaan prinsip permainan (menyerang dan bertahan) dan kefahaman taktikal buat murid. Modul ini harus digunakan sebagai sumber pengetahuan (*sources of knowledge*) buat guru atau jurulatih di sekolah sebagai panduan untuk melatih pasukan bola sepak sekolah mereka bagi menghadapi kejohanan. Selain daripada guru, modul ini juga boleh digunakan di akademi-akademi bola sepak yang memiliki pemain kategori bawah 16 tahun yang terdapat di zon Keramat atau Kuala Lumpur.

